



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)
KEMENTERIAN KERJA RAYA

SEKTOR PEMBINAAN

1. **Apakah aktiviti/projek pembinaan yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKPP?**

Semua aktiviti pembinaan dibenarkan beroperasi di dalam tempoh PKPP bermula 4 Mei 2020.

2. **Apakah SOP yang perlu diikuti oleh Sektor Pembinaan semasa beroperasi di dalam PKPP?**

Sila rujuk SOP PKPP untuk Sektor Pembinaan di laman web CIDB di www.cidb.gov.my, dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) di www.mkn.gov.my.

3. **Sub sektor apakah yang dirangkumi di dalam SOP untuk Sektor Pembinaan ini?**

Sub sektor tersebut adalah:

- a) Mana-mana kerja pembinaan yang dinyatakan dalam Akta 520; dan
- b) Perkhidmatan professional yang terlibat dalam industri pembinaan.

4. **Apakah waktu operasi yang ditetapkan untuk Sektor Pembinaan?**

Waktu operasi adalah normal seperti waktu kebiasaan. Walau bagaimanapun majikan perlu mematuhi peraturan waktu operasi yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sekiranya ada.

5. Adakah saya perlu menghantar pekerja asing untuk ujian saringan COVID-19 sebelum mulakan kerja pembinaan?

Semua pekerja asing di dalam sektor pembinaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, serta negeri Selangor, adalah diwajibkan untuk menjalani ujian makmal COVID-19. Walaubagaimanapun, pekerja asing yang telah memohon untuk menjalani Ujian COVID-19 tersebut atau menunggu keputusan ujian, adalah dibenarkan untuk bekerja sementara menunggu giliran untuk diuji atau keputusan ujian diperolehi dengan syarat mematuhi semua Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN)

6. Dimanakah boleh saya mendapatkan ujian COVID-19 secara percuma untuk pekerja saya?

Saringan kesihatan ini boleh dilakukan di premis penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh PERKESO. Majikan perlu mendaftarkan pekerjaanya melalui Portal PSP PERKESO di pautan <https://prihatin.perkeso.gov.my> sebelum melayakkan mereka menjalani PSP PERKESO.

Info lanjut sila layari <https://prihatin.perkeso.gov.my>, laman sesawang PERKESO, www.perkeso.gov.my dan juga media sosial rasmi PERKESO.

7. Apakah peralatan perlindungan peribadi yang perlu disediakan untuk pekerja sepanjang tempoh PKPP?

- a) Penutup hidung dan mulut (*face mask*) perlu dipakai sepanjang masa;
- b) *Hand sanitizer* atau sabun basuh tangan (kemudahan membersihkan dan mencuci tangan); dan
- c) Alat memeriksa suhu (*temperature gun*) bagi mengambil suhu badan pekerja dan majikan sebelum masuk ke tapak binaan/premis. Pekerja/majikan dengan suhu badan 37.5° celsius ke atas dilarang berada di tapak binaan/premis.

8. Siapakah perlu mengeluarkan kos tambahan untuk patuhi SOP seperti pembelian *temperature gun*, *face mask* dan sebagainya?

Keperluan ini perlu disediakan oleh kontraktor utama.

9. Adakah projek pembinaan yang kecil juga perlu melantik pegawai keselamatan dan kesihatan?

SOP memperuntukan syarikat perlu melantik atau mengadakan seorang atau lebih penyelaras bagi memastikan pematuhan langkah-langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 di tempat kerja.

Penyelaras boleh terdiri daripada:

- a) Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (“SHO”); atau
- b) Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan (“OSH-C”); atau
- c) Penyelia Keselamatan Tapak Bina (“SSS”); atau
- d) Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan; atau
- e) Pemilik syarikat.

Bagi syarikat kontraktor kecil yang menjalankan projek kecil, pemilik syarikat sendiri dipertanggungjawabkan sebagai penyelaras tersebut.

10. Bagaimana dengan taklimat seperti *toolbox briefing* yang lazimnya diadakan di dalam satu kumpulan yang besar?

Mengikut SOP sedia ada, pelaksanaan mesyuarat dan taklimat boleh dilaksanakan tetapi perlu mematuhi penjarakan sosial (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter dan mana-mana aktiviti di ruang tertutup hendaklah diminimakan.

11. Di dalam SOP, ada disebut kontraktor perlu menyah kuman (*sanitisation*) tempat kediaman guna sama di tapak bina sebanyak 3 kali sehari. Adakah ini diwajibkan?

Ya. Diwajibkan.

12. Adakah proses nyah cemar atau nyah kuman, wajib menggunakan kontraktor berlesen dengan Kementerian Kesihatan Malaysia?

Tidak diwajibkan. Proses ini boleh dilakukan sendiri dengan menggunakan **Tatacara Pembersihan dan Disinfeksi di Tempat Awam**, yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Dokumen ini boleh dimuat turun dari laman web CIDB www.cidb.gov.my.

Penggunaan kontraktor berlesen dengan KKM digalakkan untuk mendapat kerja yang lebih teliti.

13. Perlukah kontraktor mengisytiharkan maklumat projek dengan CIDB Malaysia?

Ya, kontraktor wajib mengisytiharkan maklumat projek dengan CIDB Malaysia.

Kontraktor boleh mengisytiharkan projek mereka dalam tempoh 2 minggu setelah mula beroperasi.

14. Bagaimanakah caranya untuk saya mengisytiharkan maklumat projek dengan CIDB Malaysia?

Kontraktor perlu isytihar maklumat projek di dalam system CIMS CIDB di laman web www.cidb.gov.my dan klik ePERKHIDMATAN → PENDAFTARAN KONTRAKTOR → masukkan ID Pengguna dan Kata Laluan → *Project Declaration and Levy*.

15. Apakah maklumat yang perlu diisytihar oleh kontraktor dalam CIMS CIDB di portal CIDB Malaysia?

Berikut adalah maklumat yang diperlukan:

- a) Nama dan nilai projek;
- b) Lokasi projek (koordinat GPS);
- c) Maklumat pegawai yang dipertanggungjawabkan: dan
 - i. Pengarah Syarikat
 - ii. Ketua Penyelaras
 - iii. Pengurusan CLQ (jika berkaitan)
- d) Senarai pekerja yang terlibat.

16. Apakah dokumen yang perlu disediakan oleh kontraktor di tapak bina/premis untuk rujukan Pegawai Penguatkuasa CIDB?

Berikut adalah dokumen yang perlu disediakan:

- a) Nama dan nilai projek;
- b) Lokasi projek (koordinat GPS);
- c) Maklumat pegawai yang dipertanggungjawabkan:
 - i. Pengarah Syarikat;
 - ii. Ketua Penyelaras; dan
 - iii. Pengurusan CLQ (jika berkaitan).

- d) Jadual Pelaksanaan Projek;
- e) Bilangan dan senarai pekerja Kontraktor/Syarikat utama mengikut tred yang terlibat;
- f) Bilangan dan senarai sub-kontraktor serta pekerja mengikut tred yang terlibat (sekiranya berkaitan);
- g) Senarai pembekal bahan binaan dan bahan yang akan digunakan (sekiranya berkaitan);
- h) Senarai pembekal jentera berat, nama operator, lesen dan jentera yang digunakan (sekiranya berkaitan);
- i) Senarai perunding dan pekerja yang terlibat (sekiranya berkaitan);
- j) Rekod pergerakan pekerja dan saringan gejala/kesihatan pekerja, kebersihan pengurusan tapak bina/premis; dan
- k) Ikrar Akujanji CIDB.

17. Perlukah aplikasi MySejahtera digunakan?

Pekerja adalah digalakkan untuk memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat.

18. Berapakah bilangan pekerja di tapak bina/premis yang dibenarkan?

Tiada had bilangan pekerja di tapak bina/premis yang ditentukan. Namun majikan perlu memastikan bahawa penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter dipatuhi.

Majikan digalakkan untuk:

- a) Melaksanakan penjadualan kerja dan pengagihan kerja secara “*sequence*” atau “*staggered*”;
- b) Mewujudkan sistem bekerja dari rumah bagi pekerja yang tidak terlibat dengan aktiviti di tapak bina/premis; dan
- c) Mengadakan mesyuarat secara maya.

19. Perlukah majikan menyediakan pengangkutan kepada pekerja?

Majikan tidak diwajibkan untuk menyediakan pengangkutan pekerja. Sekiranya kenderaan pengangkutan disediakan majikan perlu menjalankan proses pembersihan dan nyah kuman. Kapasiti penumpang dibenarkan 100% namun penumpang hendaklah diingatkan supaya mengurangkan interaksi semasa di dalam bas atau van pekerja.

20. Adakah pekerja yang baru pulang dari luar negara dibenarkan bekerja ke tapak bina?

Pekerja-pekerja yang baru pulang dari luar negara **TIDAK** dibenarkan bekerja dan masuk ke tapak bina dalam tempoh empat belas (14) hari bermula dari tarikh sampai ke Malaysia.

Kos kuarantin ditanggung oleh pekerja sendiri.

21. Perlukah majikan memantau pergerakan pekerja?

Ya. Majikan perlu memantau pergerakan pekerja dengan menghadkan pergerakan pekerja dari penginapan ke tapak bina/premis sahaja.

22. Apakah garis panduan yang perlu dipatuhi oleh majikan berkenaan dengan pergerakan bahan binaan/bekalan ke tapak bina?

Majikan perlu memantau dan merekodkan pergerakan bahan binaan/bekalan yang dibawa masuk ke tapak bina atau premis.

Pemandu/pembawa bahan/bekalan perlu diambil suhu badan dan direkodkan. Sekiranya suhu badan melebihi 37.5 celsius dan menunjukkan simptom seperti sakit tekak, batuk, susah bernafas, tidak dibenarkan memasuki tapak bina/premis dan perlu mendapat rawatan di fasiliti kesihatan.

Amalan kebersihan tangan dan kerap menggunakan air dan sabun atau *hand sanitizer* perlu diamalkan.

23. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya pekerja menunjukkan gejala COVID-19?

Pekerja yang mempunyai gejala COVID-19 hendaklah segera diasingkan dan perlu mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan.

24. Jika pekerja di CLQ didapati positif COVID-19, adakah majikan perlu kuarantin kontak rapat?

Bagi majikan yang menyediakan CLQ untuk pekerja, adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk menyediakan penginapan alternatif bagi kontak rapat pekerja dalam CLQ tersebut. Ini bagi mengelakkan kontak rapat keluar mencari penginapan lain dan mengakibatkan penularan wabak COVID-19.

Selain itu, pekerja juga boleh diasingkan di dalam satu lokasi pengasingan di dalam CLQ (tidak bercampur dengan pekerja lain) dan dipantau supaya tidak meninggalkan CLQ dalam tempoh kuarantin.

25. Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh majikan di pintu masuk tapak bina/premis:

Berikut adalah langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh majikan:

- a) Merekod dan mengisytiharkan butiran pekerja yang berada di tapak bina/premis;
- b) Mengambil suhu badan dan menyaring gejala batuk, sakit tekak atau sesak nafas mana-mana orang setiap hari dan direkod;
- c) Pekerja/majikan dengan suhu badan 37.5° celsius ke atas dilarang berada di tapak binaan/premis;
- d) Menghalang mana-mana pihak yang disyaki mempunyai gejala COVID-19 daripada masuk ke tapak bina/premis;
- e) Bagi mereka yang didapati mempunyai gejala semasa pemeriksaan sebelum masuk ke tapak bina/premis diasingkan dan dihantar untuk rawatan; dan
- f) Menyediakan *hand sanitizer* atau tempat cuci tangan.

26. Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh majikan semasa kerja-kerja pembinaan dilaksanakan?

Berikut adalah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh majikan:

- a) Membuat penilaian risiko dengan memasukkan elemen risiko jangkitan sebelum memulakan kerja;
- b) Mengawal pergerakan keluar masuk;
- c) Memastikan penjarakan sosial (1 meter di antara pekerja) diamalkan;
- d) Memastikan pekerja tidak berada/bekerja berdekatan antara satu sama lain dalam tempoh yang lama;
- e) Aktiviti di ruangan tertutup hendaklah diminimalkan;
- f) Pelaksanaan mesyuarat dengan mematuhi penjarakan sosial;
- g) Memantau semua pekerja setiap masa agar tidak berkumpul;
- h) Membekalkan setiap pekerja dengan alat pelindung diri seperti penutup hidung dan mulut (*face mask*) dan memastikan mereka sentiasa memakainya;
- i) Memastikan pekerja kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun;
- j) Melaksanakan proses pembersihan dan nyah kuman di pejabat/premis mengikut Garis Panduan Tatacara Pembersihan dan Disinfeksi KKM; dan

- k) Pekerja yang mempunyai gejala COVID-19 hendaklah segera diasingkan dan perlu mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan.

27. Bagaimanakah dengan pengurusan tandas pekerja oleh majikan?

Pihak majikan perlu melakukan proses pembersihan dan nyah kuman secara kerap dan berjadual serta direkodkan.

28. Apakah langkah-langkah keselamatan yang perlu dilakukan oleh majikan semasa waktu rehat pekerja?

Berikut adalah langkah-langkah keselamatan semasa waktu rehat pekerja:

- a) Memastikan tiada kesesakan di kantin/tempat makan/ruang rehat/tempat solat dengan:
 - i. Mengatur waktu rehat dalam kumpulan kecil dan waktu berperingkat;
 - ii. Menyediakan beberapa lokasi tempat makan/rehat/solat.
- b) Memastikan hanya makanan berbungkus disediakan dan memastikan sisa makanan yang dibungkus dilupuskan di tempat pembuangan sampah yang telah ditetapkan bagi mengelakkan penyakit berjangkit;
- c) Memastikan pengendali makanan memakai *face mask* serta sarung tangan; dan
- d) Memantau semua pekerja setiap masa agar tidak makan/rehat secara berkumpul dan sentiasa mengamalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter.

29. Apakah yang perlu diingatkan oleh majikan kepada pekerja sebelum mereka pulang ke tempat kediaman masing-masing?

Majikan perlu mengingatkan pekerja untuk terus mandi menggunakan air dan sabun serta membasuh pakaian yang telah digunakan sebaik tiba di tempat kediaman.

30. Apakah langkah-langkah pengurusan keselamatan di tempat kediaman tapak bina/premis yang perlu diambil oleh majikan?

- a) Melakukan pembersihan dan nyah kuman setiap hari dan minimum tiga (3) kali sehari di kawasan gunasama;
- b) Menyediakan kemudahan mencuci tangan dan *hand sanitizer*;
- c) Mengambil suhu badan dan menyaring gejala COVID-19 seperti demam, batuk, selsema, sakit tekak atau sesak nafas pekerja setiap hari sebelum memasuki tempat kediaman dan direkod. Mereka dengan suhu badan melebihi 37.5 celcius

dan menunjukkan simptom seperti sakit tekak, batuk, susah bernafas tidak dibenarkan bertugas;

- d) Memastikan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter di antara pekerja diamalkan;
- e) Membekalkan setiap pekerja dengan alat pelindung diri seperti *face mask*;
- f) Menghalang kemasukan pelawat kecuali pihak yang diberi kuasa dan menyediakan kemudahan; dan
- g) Menghalang aktiviti berkumpul (sukan/solat/agama).

31. Apakah rekod yang perlu disediakan?

Berikut adalah senarai rekod yang perlu disediakan oleh majikan:

- a) Mengurus, menyelia dan menyimpan rekod-rekod pekerja berhubung dengan:
 - i. Kehadiran pekerja;
 - ii. Saringan kesihatan;
 - iii. Pergerakan pekerja; dan
 - iv. Butiran peribadi pekerja.
- b) Menyediakan rekod pengurusan kebersihan tapak bina/premis berhubung dengan:
 - i. Proses pembersihan dan nyah kuman di mana-mana kawasan yang dijangkiti wabak COVID-19, kafeteria/kantin dan tandas; dan
 - ii. Pembersihan lain-lain kawasan tapak bina/premis.
- c) Menyediakan rekod pengurusan tapak bina/premis berhubung dengan:
 - i. Pengurusan risiko;
 - ii. Pergerakan keluar masuk tapak oleh pembekal barangan dan perkhidmatan dan mana-mana pihak yang berurusan;
 - iii. Pemeriksaan oleh pihak berkuasa; dan
 - iv. Hebahan dan kesedaran.

32. Siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut?

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi CIDB Careline 1-300-88-2432 (8 pagi – 5.30 petang), www.cidb.gov.my dan Hotline KKR 03-55672777 (8.00 pagi – 10.00 malam), www.kkr.gov.my.

Catatan:

- 1) *Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik COVID-19 ini.*
- 2) *Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
15 JUN 2020**